

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini terdapat banyak perubahan dalam laporan media Britain mengenai Malaysia sejak kerajaan mengumumkan keputusannya tidak memberi sebarang kontrak kepada syarikat Britain ekoran tindakan media negara itu menyiarkan fitnah terhadap beberapa pemimpin negara ini.

"Kita nampak ada banyak perubahan terutamanya sejak orang yang memulakan laporan yang tak baik itu (Andrew Neil, pengarang akhbar Sunday Times) sudah pun ditukar.

"Jadi, sekarang kita sedang tengok sama ada pertukarannya akan membawa sebarang perbezaan dalam laporan (media Britain)," kata beliau kepada pemberita selepas menyambut kepulangan pasukan Piala Thomas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini.

Neil, 44, dipinjamkan ke New York bulan depan untuk melancarkan satu rancangan hal ehwal semasa rangkaian televisyen Fox, Amerika Syarikat. Beliau akan menjadi pengarang eksekutif bagi program baru itu untuk tempoh tujuh bulan.

"Hakikatnya, dialah (Neil) yang menjadi punca (keputusan kerajaan untuk tidak memberi kontrak baru kepada syarikat Britain). Sekarang dia sudah tidak ada, kita tengoklah sama ada terdapat (banyak lagi) perbezaan pada laporan oleh media Britain (mengenai Malaysia)," kata beliau. -- lagi

ES STA

▼22/05/18-17MST

CNS5111

U GB 22-05 00160 BA657

aab

Mahathir - Britain 2 Kuala Lumpur

Menjawab pertanyaan pemberita, Dr Mahathir berkata kerajaan akan "menunggu sekejap" sebelum membuat keputusan sama ada untuk memberi semula kontrak kepada firma Britain kerana ingin memastikan bahawa media negara tersebut benar-benar telah menghentikan tuduhan tidak berasas terhadap Malaysia.

"Kalau kita dapati bahawa media Britain terus membuat laporan yang benar dan tidak membohong (lagi), tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh berdagang dengan mereka," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan akan terus mengawasi perkembangan dalam laporan media Britain mengenai Malaysia.

Dr Mahathir mengulangi kenyataannya bahawa kerajaan tidak pernah berkelahi dengan kerajaan Britain ekoran tindakan media Britain melemparkan fitnah terhadap pemimpin negara ini.

"Kita hanya berkelahi dengan media Britain. Oleh kerana kita tidak boleh buat apa-apa kepada media Britain, kita terpaksa ambil keputusan tidak memberi sebarang kontrak kepada syarikat Britain kerana kontrak yang jadi masalah (isu dalam perkara itu)," kata beliau. -- lagi

ES SIA

▼22/05/18-44MST

CNS5116

U GB 22-05 00099 BA658

aab

Mahathir - Britain 3 (akhir) Kuala Lumpur

Ketika ditanya mengenai laporan agensi berita AFP bahawa Malaysia dijangka menarik balik sekatan terhadap firma Britain yang dikenakan sejak tiga bulan lalu sempena kunjungan Menteri Perdagangan Britain Richard Needham bulan depan, Dr Mahathir berkata: "Jtu tak ada kena mengena."

"Dulupun, mereka (Menteri Pendidikan dan Menteri Pertahanan) datang sejak kita menghentikan pemberian kontrak kepada syarikat Britain dan tidak adapun perubahan pada pendirian kita," kata beliau.

"Kita tidak memutuskan perhubungan dengan kerajaan Britain... Orang

(Menteri) kita pun ada melawat Britain," katanya. Bernama